

31/03/2000

Akhbar Singapura perlu beri penjelasan

TULISAN Chua Lee Hong dalam ruangan This Week In Politics, The Straits Times Singapura Sabtu lalu walaupun menampilkan pandangan peribadi seorang kolumnis, ia tidak langsung mengambil kira sensitiviti orang lain. Barangkali merasakan dirinya seorang kolumnis yang tinggal di Singapura dan diberikan kebebasan menulis apa saja mengenai orang lain oleh majikannya, Chua tidak ambil endah kesannya yang boleh menjejaskan hubungan dua hala dengan Malaysia. Lagipun ini bukan kali pertama wartawan Singapura menulis sesuatu yang memburuk-burukkan imej Malaysia dan menyinggung perasaan rakyatnya. Ia cuma hangat seketika dan menjadi reda kemudiannya.

Apatah lagi bekas Perdana Menteri juga pernah menulis menghentam Malaysia. Malah, tulisan Menteri Kanan Republik itu dalam bukunya The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew, lebih keras. Kuan Yew antara lain menuduh Malaysia sebagai membuli dan mengugut republik itu ketika ia berada dalam Persekutuan selama dua tahun sebelum keluar dari Malaysia pada 1965. Beliau juga menuduh pemimpin Umno dalang di sebalik rusuhan kaum di republik itu pada 1964. Buku itu menyebabkan rakyat Malaysia marah kerana Lee memaparkan pemimpin Malaysia sebagai rasuah. Barangkali belajar daripada isu yang dibangkitkan oleh Kuan Yew yang akhirnya masih boleh diredakan, Chua tidak gusar untuk menghentam Malaysia. Malah kita percaya jika isu ini selesai, masih ramai penulis dan wartawan Singapura yang tetap berani menulis sesuatu yang negatif terhadap Malaysia.

Kita mungkin ditempelak jika terus menyalahkan kerajaan Singapura atas keterlanjuran Chua itu. Kerajaan Singapura boleh menafikan ia tidak ada kena-mengena dengan tulisan itu yang bersifat peribadi daripada penulisnya. Bagi Malaysia, kita juga tidak mahu isu ini mengeruhkan hubungan sedia ada. Sehubungan itu, sebelum isu ini berlanjutan, penjelasan segera perlu diberikan. Sehingga kini penulis mahupun akhbarnya belum mahu tampil memberikan penjelasan. Begitu juga daripada kerajaan Singapura. Kita tidak tahu apa tujuan dan muslihat mereka berdiam diri.

Tidak dinafikan ramai kolumnis akhbar terkemuka menjadi terkenal menerusi tulisan mereka yang kritikal. Kebiasaannya atas kelebihan dan kebolehannya itulah, seseorang penulis diberi ruang mengutarakan pandangannya. Namun, seorang penulis yang ada nama tidak akan menulis tanpa rasa bertanggungjawab. Kolumnis yang bertanggungjawab dan dihormati tidak akan menulis mengikut sedap rasa saja. Sebaliknya, ia disokong dengan pelbagai fakta, pandangan dan rujukan yang sukar dipertikai. Dalam kata lain, kebenaran perlu ditampilkan, bukan sekadar membuat dakwaan tidak berasas. Apatah lagi sesuka hati menggunakan bahasa yang biadap termasuk menggelar pemimpin tertentu sebagai 'top dog'. Perbuatan itu sekali gus dapat menggambarkan pekerti, tatasusila dan hemah seseorang penulis itu.

Kolumnis juga mendapat pengiktirafan bukan saja kerana kebijaksanaannya menyampaikan pendapat tetapi juga mempunyai ilmu, kepandaian dan pengetahuan luas dalam bidang yang dituliskannya. Penulis yang baik dan berwibawa tidak akan bersikap prejudis atau sengaja menunjukkan kemarahan tanpa alasan kukuh. Walau sehebat mana pun hasil nukilannya, lambat-laun pembaca dapat menghidu agenda dan muslihat sebenar seseorang kolumnis itu menerusi tulisan yang tidak berwibawa dan bertanggungjawab. Chua jelas dalam tulisannya menyindir tempoh panjang pemerintahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Barisan Nasional iaitu dengan sengaja membuat perbandingan dengan senario yang berlaku di kalangan pemimpin dan parti

beberapa negara Asia lain.

Bagi rakyat Malaysia setiap kali perselisihan dengan Singapura diselesaikan, kita amat mengharapkan agar republik itu atau pun rakyatnya tidak menimbulkan isu baru yang boleh memburukkan hubungan kedua-dua negara. Namun, harapan itu terus meleset. Selang selepas satu isu dapat diatasi, perkara lain pula ditimbulkan. Ada saja yang dibangkitkan untuk menimbulkan kemarahan kita. Ketika isu buku Kuan Yew dua tahun lalu, Dr Mahathir ada berkata: "Anda boleh kata apa yang anda mahu, tetapi ingatlah bahawa apa yang anda buat itu ialah membangkitkan perasaan orang ramai, menjadikan mereka sangat marah. Tindakan seperti ini menjadikan sukar bagi kita menjalin hubungan baik dengan Singapura."

Ramai berpandangan Singapura kerap dan berani menyinggung pemimpin dan rakyat Malaysia kerana kita terlalu bertolak-ansur dan memberi muka. Disebabkan tidak mahu mengeruhkan suasana, Malaysia menerima saja alasan yang diberikan. Walaupun rakyat Malaysia sendiri membidas kerajaan dan menuduh tindakan Singapura itu keterlaluan dan tidak menghormati kedaulatan sesebuah negara, pemimpin Malaysia tetap bersabar dan memekakkan telinga demi menjaga semangat setiakawan. Malah kerajaan tidak pernah bertindak membakar semangat rakyat Malaysia membenci Singapura. Sayangnya, ada sebilangan rakyatnya yang buta hati untuk menghargai semua itu.

(END)